

# BULETIN EKSPORT KAYU-KAYAN

## Timber Export Bulletin

DIKELUARKAN OLEH LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA ISSUED BY THE MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD

**BULETIN EKSPORT KAYU-KAYAN NO:** 4/87 (Penyemakan semula 0590)

**TARIKH DIKELUARKAN:** 14.5.1990

**SUBJEK:**

- A Menanda Kayu Gergaji
- B Menanda Kayu Meranti Nemesu
- C Meletakkan Pelumur Hujung

Buletin ini menggantikan Buletin Eksport Kayu-Kayan No 4/87 bertarikh 10.6.1987 dan akan berkuatkuasa dari 1 Jun 1990.

### A Menanda Kayu Gergaji

Untuk tujuan BEK ini jenis-jenis kayu dibahagikan kedalam dua kumpulan iaitu:

Kayu-kayu berwarna cerah - Tembusu, Jelutong, Kembang Semangkok, Mempisang, White Meranti, Yellow Meranti, Mersawa, Petai, Pulai, Kayu Getah, Ramin, Sesendok dan White Seraya.

### II. Kayu-kayu jenis lain.

#### Kayu-Kayu Berwarna Cerah

1. Bagi kayu-kayu berwarna cerah sama ada berperingkat atau tanpa peringkat penandaan dijadikan sebagai satu peraturan pilihan yang akan dipersetujui diantara pembeli luar negeri dan pengeksport tempatan.
2. Persetujuan sepertimana yang dimaksudkan dalam perenggan 1 hendaklah terjalin dalam kontrak luar negeri.
3. Kayu berwarna cerah yang memenuhi syarat dalam perenggan 2 boleh dieksport tanpa penandaan.
4. Walau bagaimanapun bagi kontrak yang memerlukan kayu cerah ditandakan, kayu-kayu berkenaan hendaklah ditandakan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 5 atau 6 di bawah yang mana berkaitan.

#### Kayu-Kayu Jenis Lain

##### 5 Kayu Gergaji Berperingkat

Peraturan mengenai penandaan adalah sepertimana terdapat dalam Peraturan 17 dan Lampiran VII M.G.R. Edisi 1984.

## 6. Kayu Gergaji Tanpa Peringkat

Kayu tanpa peringkat bagi jenis dan ukuran yang dibenarkan untuk dieksport mestilah ditandakan di tepi bungkusan seperti yang dinyatakan di bawah:

Nama Piawai Kayu  
Perkataan 'UNGRADED'  
Jenis ukuran  
Negara Pengeluar (iaitu perkataan MALAYSIA)  
Contoh: KAPUR-UNGRADED-BARE-MALAYSIA-KERUING-  
UNGRADED-BARE-MALAYSIA

Ukuran huruf tanda mestilah 1 1/4" dan hendaklah ditandakan di sebelah hujung bungkusan kayu.

Peraturan ini hanya boleh digunakan bagi kayu tanpa peringkat yang diikat dengan kemas dan teguh untuk pengangkutan dan ditandakan dengan nyata di kedua belah bungkusan kayu. Sekiranya kayu-kayu tidak diikat untuk pengangkutan, tiap-tiap keping kayu berkenaan mestilah ditanda mengikut peraturan sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 6.1. Ukuran tanda atas tiap-tiap keping adalah sama seperti kayu gergaji berperingkat.

### B Menanda Kayu Meranti Nemesu

- 7 MTIB membenarkan bungkusan-bungkusan kayu gergaji Meranti Merah Tua dari jenis Meranti Nemesu (*Shorea pauciflora*) sahaja ditandakan sebagai 'DARK RED MERANTI (NEMESU)' sebagai Nama Piawai, sekiranya diperlukan oleh pembeli. Segala dokumen-dokumen yang berkaitan dengan perdagangan kayu ini mestilah juga menggunakan perkataan 'DARK RED MERANTI (NEMESU)' sebagai Nama Piawai.
- 8 Walau bagaimanapun kayu Meranti Nemesu boleh terus dimasukkan dalam bungkusan-bungkusan kayu gergaji Meranti Merah Tua, bersama-sama dengan jenis-jenis yang lain dalam kumpulan Meranti Merah Tua, yang Nama Piawai digunakan adalah sama iaitu 'DARK RED MERANTI'

### C. Meletakkan Pelumur Hujung

Kayu gergaji dibenarkan dieksport tanpa pelumur hujung dengan syarat keperluan ini dinyatakan dengan jelas dalam kontrak luar negeri.

  
DATU' BAHARUDDIN BIN HJ GHAZALI  
Ketua Pengarah  
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia